

PM harap parti politik di Sarawak tak gunakan isu perkauman dalam kempen

U. 23 SEP 1991

CANCUN (Mexico) 22 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir berharap parti-parti politik yang sedang bertanding dalam pilihanraya umum negeri Sarawak tidak menggunakan isu perkauman dalam kempen masing-masing.

"Kita khawatir jika isu perkauman berleluasa, akan timbul banyak masalah nanti," tegasnya.

Perdana Menteri menyatakan demikian bila diminta mengulas laporan bahawa sedang berlaku kempen yang 'hebat' di Sarawak yang dikatakan menggoncang kedudukan Barisan Nasional.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, beliau sebenarnya tidak tahu perkembangan kempen

pilihanraya itu dan tidak dapat mengulas lanjut.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak nampak kenapa Barisan Nasional Sarawak boleh goncang.

"Kita (BN Pusat) sokong BN3 Sarawak dan yakin dengan kemampuannya," ujar beliau.

Diminta mengulas penyertaan PBDS sebagai parti pembangkang dalam pilihanraya itu sedangkan ia menjadi komponen Barisan Nasional di peringkat pusat, Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak setuju pihak PBDS meletakkan calon-calonnya untuk menentang BN.

"Tetapi oleh kerana ia tidak guna simbol BN, tidak mengapalah."